



## PEKELILING KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN BILANGAN 11/1970

### *Rekod Tanah-tanah Untuk Kegunaan-kegunaan Persekutuan*

Tujuan Pekeliling ini ialah untuk memaklumkan kepada Kementerian dan Ketua-ketua Pejabat Persekutuan bahawa rekod tanah-tanah Persekutuan iaitu tanah-tanah dikehendaki untuk kegunaan-kegunaan Persekutuan akan diselenggarakan oleh Pejabat Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan supaya keterangan yang lengkap dapat diperolehi mengenai syarat-syarat dan sekatan-sekatan, hasil tanah yang berbayar dan kegunaannya pada masa sekarang. Rekod-rekod ini bolehlah digunakan oleh mana-mana pegawai dengan kebenaran Kementerian-kementerian dan Ketua-ketua Pejabat Persekutuan.

2. Bagi maksud rekod-rekod ini, tanah yang dikehendaki untuk kegunaan-kegunaan Persekutuan adalah diperjeniskan seperti berikut:

- (i) Tanah-tanah yang diletakkan hak kepada Kerajaan Persekutuan mengikut Perkara 166(1) dan 166(5) Perlembagaan Persekutuan;
- (ii) Tanah-tanah yang diletakkan hak kepada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan mengikut peruntukan-peruntukan sesuatu undang-undang;
- (iii) Tanah-tanah yang berpegang dengan hakmilik-hakmilik atas nama Pesuruhjaya Tanah Persekutuan;
- (iv) Tanah-tanah dalam Negeri Pulau Pinang yang diduduki, diguna, dikawal dan diuruskan untuk kegunaan-kegunaan Persekutuan di bawah Perkara 166(3) Perlembagaan Persekutuan;
- (v) Tanah-tanah yang diwartakan sebagai tanah-tanah simpanan untuk kegunaan-kegunaan Persekutuan mengikut sesuatu undang-undang tanah;
- (vi) Tanah-tanah yang disifatkan sebagai tanah-tanah simpanan untuk kegunaan-kegunaan Persekutuan di bawah Perkara 166(4) Perlembagaan Persekutuan;
- (vii) Tanah-tanah milik yang dipajak oleh Kerajaan Persekutuan dan tanah-tanah yang disewa.

3. Rekod-rekod yang diselenggarakan adalah seperti berikut:

- (i) Rekod butir-butir tanah yang berpegang dengan hakmilik dengan menggunakan borang di Lampiran 'A';
- (ii) Rekod butir-butir tanah-tanah simpanan untuk kegunaan Persekutuan dengan menggunakan borang di Lampiran 'B';
- (iii) Docket tanah-tanah yang berpegang dengan suratan-suratan hakmilik;
- (iv) Docket tanah-tanah simpanan;
- (v) Daftar sewaan-sewaan di bawah seksyen 223 Kanun Tanah Negara;
- (vi) Daftar pajakan-pajakan di bawah seksyen 221 Kanun Tanah Negara.

Rekod-rekod yang tersebut di bawah ini adalah juga disimpan untuk menguruskan bayaran hasil-hasil tahunan dan kutipan bayaran daripada penyewa-penyewa harta-harta Persekutuan:

- (i) Senarai tanah-tanah yang dikenakan hasil-hasil tahunan;
- (ii) Daftar hasil-hasil pendapatan dipungut dari tanah-tanah Persekutuan dengan menggunakan borang di Lampiran 'C'.

4. Rekod-rekod yang tersebut di atas sedang disusun dan tindakan sedang diambil untuk memperolehi butir-butir mengenai beberapa keping tanah. Kerja ini akan terus berjalan kerana tanah-tanah yang lain akan diperolehi seterusnya untuk kegunaan-kegunaan Persekutuan.
5. Pekeliling ini tidak meliputi Malaysia Timur.

DATO' ABDUL MANAF BIN MOHD. NOR  
*Ketua Pengarah Tanah dan Galian  
Persekutuan*

P.T.TM 82/69(18)

Kuala Lumpur,  
1hb Oktober, 1970